



POLIS: ANTARA KEWAJIBAN DAN KEHARAMAN

Mungkin tidak ramai yang sedar atau mengambil peduli bahawa esok (24 Mac 2012), Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyambut Hari Polis ke-205. Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, pihaknya bakal menampilkan kelainan tahun ini dengan memilih untuk mengadakan sambutan pada sebelah malam bagi membolehkan acara 'countdown' dilakukan. Sebagai sebuah tanah bekas jajahan British, sistem kepolisan di negara ini bermula dengan berkuat kuasanya 'Charter of Justice' (Piagam Keadilan) di Pulau Pinang pada 25 Mac 1807. Piagam tersebut menjadi asas kepada peraturan dan undang-undang penjajah kuffar itu di Malaysia sekali gus membawa kepada bermulanya penubuhan pasukan polis pertama di negara ini. Sistem kepolisan di Malaysia telah beberapa kali mengalami perubahan sehinggalah membawa kepada penyatuan pentadbirannya di bawah panji-panji Polis Diraja Malaysia pada 16 September 1963. Itulah sejarah penubuhan PDRM yang nampaknya menjadi kebanggaan kepada pasukan polis sehingga ia diraikan setiap tahun. Sungguh sayang apabila pihak polis mengetahui dan berbangga dengan sejarah penubuhannya oleh penjajah kuffar tetapi tidak mengetahui bahawa struktur kepolisan sesungguhnya telah pun wujud dalam Islam sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Malah struktur polis wajib didirikan atas dasar Islam, bukannya sebagai kesinambungan dari struktur warisan penjajah.

Di dalam kitab *Ajizah Daulah al-Khilafah Fi al-Idarah wa al-Hukm*, Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa urusan keamanan dalam negeri dalam Daulah Khilafah ditangani oleh satu struktur yang dinamakan *Da'irah al-Amni ad-Dakhili* (Jabatan Keamanan Dalam Negeri) yang diketuai oleh *Mudir al-Amni ad-Dakhili*. Jabatan ini memiliki cawangan di setiap wilayah yang diketuai oleh *Sahib asy-Syurthah al-Wilayah* (Ketua Polis Wilayah). Cawangan ini berada di bawah *wali* dari aspek *tanfidz* (pelaksanaan), tetapi dari aspek administrasi ia berada di bawah tanggungjawab *Da'irah al-Amni ad-Dakhili*. Jabatan ini merupakan Jabatan yang mengurus segala bentuk kekacauan atau gangguan kepada keamanan. Jabatan ini juga mengurus penjagaan keamanan di dalam negeri melalui jalur kepolisan dan ini merupakan sarana utama untuk menjaga keamanan dalam negeri. *Da'irah al-Amni ad-Dakhili* berhak menggunakan jalur kepolisan pada bila-bila masa dan mengikut keperluan. Perintah Jabatan ini harus segera dilaksanakan. Sekiranya ada keperluan yang menuntut untuk meminta bantuan tambahan, maka Jabatan ini wajib menyampaikan perkara tersebut kepada Khalifah. Khalifah berhak memerintahkan pasukan tambahan untuk membantu atau dengan membekalkan kekuatan ketenteraan sekiranya perlu, demi menjaga keamanan. Pasukan polis terdiri daripada lelaki yang sudah baligh dan memiliki kewarganegaraan. Wanita juga boleh menjadi anggota polis dalam melaksanakan tugas-tugas yang sesuai (dengan wanita) yang terkait dengan urusan keamanan dalam negeri.

Pasukan polis ada dua jenis iaitu (i) polis tentera dan (ii) polis yang berada di samping penguasa. Pasukan polis memiliki seragam khusus dan ciri-ciri tertentu untuk menjaga keamanan. Al-Azhari berkata, "Polis adalah merupakan pasukan terbaik dari berbagai pasukan. Di antara pasukan pilihan tersebut adalah polis, kerana mereka adalah perajurit-perajurit pilihan. Bahkan dikatakan mereka adalah pasukan terbaik yang lebih menonjol daripada tentera. Dikatakan bahawa mereka dinamakan syurthah (polis) kerana mereka memiliki ciri-ciri yang telah dikenal, baik dari pakaian mahupun kemampuan gerakannya." Pendapat di atas adalah juga yang dipilih al-Asma'i. Disebut di dalam kamus, "wa syurthah (polis) dengan dhammah....adalah bentuk mufrad (tunggal) dari asy-syurath (polis-polis). Mereka adalah pasukan terbaik yang terjun dalam perang dan mereka siap untuk mati. Polis adalah di antara pasukan yang menjadi para penolong wali....mereka dinamakan demikian kerana diri mereka dapat diketahui dengan tanda-tanda yang sudah dikenal luas."

Polis tentera adalah sebahagian dari tentera yang memiliki tanda-tanda yang lebih menonjol daripada pasukan lainnya yang bertugas mendisiplinkan urusan-urusan ketenteraan. Polis tentera merupakan bahagian dari pasukan yang berada di bawah *Amirul Jihad*, iaitu berada di bawah *Da'irah al-Harbiyah* (Jabatan Perang). Pasukan polis yang sentiasa bersiap sedia di samping penguasa berada di bawah *Da'irah al-Amni ad-Dakhili*. Imam al-Bukhari telah menuturkan riwayat dari Anas bin Malik, "Sesungguhnya Qais bin Saad di sisi Nabi SAW memiliki posisi sebagai ketua polis dan ia termasuk di antara para amir." Imam at-Tirmizi juga telah meriwayatkannya dengan redaksi, "Qais bin Saad di sisi Nabi SAW berkedudukan sebagai ketua polis dan ia termasuk di antara para amir." Al-Ansari menambah dengan mengatakan bahawa ia adalah orang yang menangani urusan-urusan kepolisan.

Tugas-tugas *Da'irah al-Amni ad-Dakhili*

Tugas *Da'irah al-Amni ad-Dakhili* adalah menjaga keamanan dalam negeri bagi Negara. Beberapa hal yang mungkin akan mengganggu keamanan dalam negeri di antaranya adalah murtad dari Islam dan *bughat* (pemberontak) yakni golongan yang keluar melepaskan diri dari Negara, baik dengan aktiviti-aktiviti rusuhan dan penghancuran, seperti pelbagai bentuk serangan dan penguasaan ke atas tempat-tempat strategik, disertai pelanggaran terhadap pelbagai hak milik individu atau hak milik umum atau hak milik Negara. Perbuatan-perbuatan lain yang mengganggu keamanan dalam negeri adalah *al-hirabah* (terorisme/keganasan), yakni rompakan jalanan, menyerang orang-orang untuk merampas harta mereka dan mengancam nyawa mereka. Termasuk juga perbuatan yang mengganggu keamanan dalam negeri adalah seperti pelanggaran terhadap harta-harta masyarakat melalui pencurian, perampasan, rompakan, penyelewengan, gangguan terhadap jiwa (badan) manusia melalui pemukulan, pencederaan dan pembunuhan serta gangguan terhadap kehormatan melalui penyebaran keburukan, fitnah dan *qadzaf*.

Da'irah al-Amni ad-Dakhili bertugas untuk mencegah semua kejahatan di atas dengan sentiasa berjaga-jaga, meronda dan menerapkan hukuman-hukuman yang telah diputuskan oleh hakim terhadap pelaku kejahatan tersebut. Jabatan ini membataskan diri dengan hanya memanfaatkan pasukan polis dalam rangka menjaga keamanan negara. Jabatan ini tidak boleh memanfaatkan selain pasukan polis kecuali dalam keadaan polis sudah tidak mampu untuk menstabilkan keamanan. Dalam keadaan ini, Jabatan meminta Khalifah agar memberi bantuan tentera sesuai dengan keadaan yang berlaku.

Pasukan polis diberi tugas untuk menjaga sistem, mengelola keamanan dalam negeri dan menjalankan seluruh aspek implementasi. Hal ini sesuai dengan hadis Anas yang sudah disebutkan tentang Rasul SAW yang menjadikan Qais bin Saad sebagai ketua polis di sisi baginda. Hadis itu menunjukkan bahawa polis berada di samping penguasa. Maksud berada di samping Rasulullah (penguasa) itu menunjukkan peranan polis sebagai kekuatan yang bersifat implementatif yang diperlukan oleh penguasa untuk menerapkan syariah, menjaga sistem dan melindungi keamanan, termasuk melakukan kegiatan rondaan bagi mencegah jenayah. Kegiatan meronda (patrol) adalah bertujuan untuk mengawasi dan mengejar penjahat serta mencari orang yang melakukan kerosakan/maksiat dan orang yang dikhuatiri akan melakukan tindakan kejahatan. Abdullah bin Mas'ud bertindak sebagai komandan rondaan pada masa Abu Bakar manakala Umar bin al-Khattab melakukan rondaannya sendiri. Umar kadang kala ditemani oleh pembantunya dan kadang kala ditemani oleh Abdurrahman bin Auf.

Berdasarkan nas dan berdasarkan apa yang dilakukan oleh Khulafa ar-Rasyidin, kita dapati apa yang sedang dipraktikkan di beberapa negeri Islam saat ini sungguh terpesong dari kebenaran apabila khidmat 'pengawal/jaga' digunakan untuk mengawasi dan meronda. Jaga ini diupah untuk mengawasi bangunan-bangunan, premis-premis dan

kawasan perumahan, yang dibayar oleh para pemilik premis. Tanggungjawab melakukan rondaan dan penjagaan sesungguhnya adalah tanggungjawab Negara (melalui pasukan polis) dan merupakan sebuah kewajiban ke atas Negara. Oleh kerana itu, aktiviti tersebut tidak boleh dibebankan kepada masyarakat atau sekumpulan orang atau mana-mana individu tertentu untuk membiayainya. Apa yang diamalkan sekarang merupakan manifestasi dari kezaliman kerajaan yang tidak menunaikan kewajiban mereka menjaga keamanan masyarakat. Suasana ini telah mewujudkan syarikat-syarikat kapitalis yang membekalkan khidmat “jaga”, menjadikannya sebuah perniagaan dan mengaut keuntungan yang lumayan darinya. Dalam masa yang sama, kezaliman kerajaan “tertutup” dan masyarakat berjaya dijahilkan dan dipalingkan dari tanggungjawab kerajaan.

Polis Dan Tajassus

Dalam dunia kepolisan sekarang, antara jabatan penting dalam pasukan polis adalah jabatan perisikan (*intelligence*) di mana di Malaysia ia lebih dikenali dengan pasukan Cawangan Khas (*Special Branch*). Sesuai dengan namanya, tugas Cawangan Khas atau jabatan perisikan ini adalah untuk melakukan risikan (*spying*) atau dalam bahasa Arab disebut sebagai *tajassus*. *Tajassus* bermaksud menelusuri berita atau informasi, yang dilakukan oleh *jasus* (mata-mata). *Tajassus* boleh berlaku baik pada hal-hal terbuka atau tersembunyi selama mana seseorang itu sedang melakukan risikan/siasatan terhadap suatu berita atau informasi. Tidak dikatakan *tajassus* kecuali pengamatan dan penelitian mendalam dilakukan terhadap suatu berita/informasi yang diselidiki. Dalam *tajassus*, wujudnya unsur pengawasan yang dilakukan oleh seseorang itu dengan tujuan pengumpulan dan pemaparan berita/informasi yang diselidiki. Inilah hakikat *tajassus*. Perlu difahami bahawa siapa sahaja (tidak semestinya lembaga kepolisan) boleh melakukan perkara yang termasuk dalam *tajassus* selama mana perbuatannya memenuhi ciri-ciri di atas dan memang dilakukan dengan tujuan perisikan.

Namun apa yang jelas ialah, siapa sahaja yang bertugas di Jabatan Risikan, Cawangan Khas atau seumpamanya yakni orang-orang yang memang bertugas mengamati berita-berita dan kejadian-kejadian, adalah disebut perisik atau mata-mata (*jasus*) kerana memang aktiviti mereka adalah melakukan perisikan. Pekerjaan *tajassus* ini amat penting untuk diketahui, khususnya oleh mereka yang terlibat kerana ada hukum-hukum yang tertentu untuknya. Hukum-hukum ini bergantung pada “objek” yang dirisik. Sekiranya objeknya adalah umat Islam, maka hukumnya adalah haram. Namun sekiranya objeknya adalah *kafir harbi*, baik *harbi fi’lan* atau *harbi hukman*, maka hal ini dibolehkan, malah ia wajib dilakukan oleh Khilafah (Negara).

Tajassus terhadap umat Islam dan warganegara Daulah Islam adalah jelas haram berdasarkan firman Allah SWT, “*Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah oleh kamu kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan (tajassus) orang lain*” [TMQ al-Hujurat (49):12]. Dalam ayat ini, Allah SWT secara tegas melarang *tajassus* dan larangan ini bersifat umum meliputi semua bentuk *tajassus*, baik untuk kepentingan diri sendiri atau orang lain atau untuk Negara, kesemuanya adalah haram. Ahmad dan Abu Daud telah meriwayatkan hadis dengan sanad dari Miqdad dan Abu Umamah, keduanya berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, “*Sesungguhnya seorang amir itu, jika ia mencari keraguan-keraguan (memata-matai) rakyatnya, bererti dia telah merosakkan mereka*”. Oleh kerana itu, *tajassus* terhadap kaum Muslimin hukumnya adalah haram. Dengan demikian, haram hukumnya bagi polis, tentera atau siapa sahaja yang melakukan *tajassus* terhadap umat Islam dan warganegara Daulah Islam, baik Muslim mahupun non-Muslim.

Dari sini muncul persoalan sama ada bolehkah orang Islam bekerja di lembaga perisikan sama ada sebagai polis, tentera, penyiasat persendirian atau lain-lain yang melakukan aktiviti perisikan? Jawapannya adalah bergantung pada objek sasaran risikannya. Sekiranya objek sasarannya adalah umat Islam atau orang yang mendapat perlindungan (*dzimmah*) dari Negara, maka hukumnya haram berdasarkan ayat di atas. Larangan untuk melakukan *tajassus* ini turut terkena ke atas orang *kafir dzimmi* (kafir yang tinggal di Negara Khilafah). Manakala sekiranya objek sasaran adalah *kafir harbi*, baik

kafir yang meminta jaminan keamanan (*kafir musta'min*) atau kafir yang datang dari negara yang memiliki ikatan perjanjian dengan Khilafah (*kafir mu'ahid*) maka hukumnya boleh. Ini kerana, Islam membolehkan kita melakukan *tajassus* terhadap *kafir harbi*, baik di wilayah kita atau di wilayah mereka.

Oleh yang demikian, wujudnya badan perisikan atau yang sejenisnya, tidaklah haram, bahkan wajib bagi Negara dalam rangka melakukan *tajassus* terhadap *kafir harbi*. Apa yang haram adalah melakukan *tajassus* ke atas umat Islam atau *kafir dzimmi*. Oleh yang demikian, pemerintah tidak boleh (haram) membuka atau mewujudkan jabatan risikan atau cawangan khas yang melakukan praktik *tajassus* ke atas umat Islam atau warganegara. Ia tidak dibenarkan dan tetap haram, walau apa sekalipun alasan mewujudkannya, baik atas alasan kepentingan negara atau untuk melakukan pengawasan terhadap sebarang konspirasi atau atas alasan mencegah jenayah dan sebagainya. Ini kerana, untuk melakukan kesemua hal ini, Negara boleh melakukannya melalui jalur kepolisan, melalui rondaan dan penjagaan, bukannya melalui jalan *tajassus*.

Kita mesti ingat bahawa apa yang ‘difikirkan’ oleh akal sebagai mendatangkan manfaat, tidak boleh dijadikan ukuran untuk menghalalkan atau membolehkan sesuatu yang haram kerana yang wajib dijadikan ‘ukuran’ adalah syara’ semata-mata. Apabila Allah dan RasulNya menetapkan keharaman dalam sesuatu hal, maka tidak ada lagi ruang dari sisi manfaat atau kemaslahatan sebagai alasan untuk mengubah status hukumnya menjadi halal. Firman Allah “*Janganlah kalian mencari-cari kesalahan orang lain*” [TMQ al-Hujurat (49):12] dengan tegas menjelaskan ketidakbolehan *tajassus* dari aspek apa sekalipun ke atas kaum Muslimin dan *kafir dzimmi*. Maka tidak boleh ada lagi alasan bagi manusia untuk membolehkannya.

Sebagaimana dijelaskan di atas, *tajassus* boleh dilakukan terhadap *kafir harbi*, malah wajib bagi Negara melakukannya. Nabi SAW pernah mengutus Abdullah bin Jahsyi dan lapan kompeni (*raht*) dari kaum Muhajirin untuk bersamanya. Nabi memberi kepadanya sepucuk surat yang tidak dibenarkan dilihat kecuali setelah dua hari perjalanan. Abdullah diminta melaksanakan (arahan surat) tanpa memaksa sahabatnya yang lain. Setelah dua hari berjalan, Abdullah lalu membuka surat itu yang mana isinya berbunyi, “*Kalau kamu membaca suratku, maka teruslah berjalan sampai kamu tiba di Nahlah antara Makkah dan Thauf. Maka di sana intiplah gerak-geri kaum Quraisy dan hasilnya sampaikan kepada kami.*”

Dalam surat itu, Rasulullah SAW memerintahkan kepada Abdullah bin Jahsyi untuk memata-matai kaum Quraisy (yang merupakan *kafir harbi*). Dalam hal ini Rasulullah SAW memberikan kebebasan kepada para sahabat Abdullah untuk mengikutinya atau tidak, sementara pada Abdullah agar tetap melakukan intipan tersebut. Dengan kata lain, Rasulullah SAW meminta kepada semuanya agar melakukan *tajassus* tetapi beliau menekankannya kepada Abdullah manakala yang lain diberikan kebebasan. Ini menunjukkan bahawa tuntutan terhadap *amirul jamaah* (pemimpin golongan) itu sifatnya mengikat sementara bagi yang lain tidak mengikat. Hal ini menunjukkan bahawa kegiatan *tajassus* umat Islam terhadap musuh adalah dibolehkan manakala bagi pemerintah, hukumnya adalah wajib. *Tajassus* terhadap pihak musuh merupakan hal yang mutlak diperlukan oleh tentera umat Islam sehingga tidak akan sempurna pembentukan pasukan tanpa adanya badan risikan yang senantiasa mengawasi musuh.

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Demikianlah tugas *Da'irah al-Amni ad-Dakhili* dan pasukan polis yang berada di bawahnya. Sesungguhnya tugas pasukan polis adalah satu tugas yang mulia demi menjaga keamanan negara, selama mana mereka mematuhi hukum syara’ di dalam menjalankannya. Namun ia akan bertukar menjadi suatu tugas yang hina apabila mereka melakukan pelanggaran syara’ seperti melakukan *tajassus* terhadap umat Islam. Lebih hina lagi sekiranya aktiviti *tajassus* itu dilakukan oleh polis terhadap individu Muslim atau gerakan Islam yang berjuang untuk menegakkan Islam seperti yang dilakukan oleh pasukan polis di kebanyakan negara umat Islam sekarang, termasuklah di Malaysia. *Wallahu a'lam*.